

## **MSM KEKAL BERDAYA TAHAN, CATAT PEMULIHAN PRESTASI**

**KUALA LUMPUR, JUN 19, 2019** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) kembali pada detik kemanisan setelah pelan pemulihan membuah hasil dan merekodkan peningkatan prestasi bagi tahun kewangan 2018. Ini adalah berikutan kadar tukaran asing yang memberangsangkan dan kos gula mentah yang rendah, seiring penambahbaikan dan prestasi dalam kecekapan operasi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, MSM telah mencatatkan peningkatan yang positif dalam pertumbuhan hasil dengan keuntungan bersih sebanyak RM35.62 juta dan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM 60.3 juta, berbanding kerugian bersih sebanyak RM36.34 juta dan kerugian sebelum cukai sebanyak RM 19.6 juta pada tahun sebelumnya. Pendapatan sesaham (EPS) turut meningkat kepada 5.07 sen pada tahun 2018, berbanding 5.17 sen kerugian sesaham pada tahun kewangan sebelumnya.

“Tahun lepas merupakan tempoh penentuan buat MSM. Walau menghadapi cabaran yang getir pada tahun sebelumnya, MSM kekal komited dalam melaksanakan program pemulihan dan berdaya tahan untuk mengekalkan kepimpinan dalam pasaran. Kami telah membentuk asas yang kukuh untuk pertumbuhan dengan merangka semula cara kami melaksanakan perniagaan,” jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato’ Khairil Anuar Aziz, dalam Mesyuarat Agung Tahunan Ke-8 yang diadakan di Menara Felda hari ini. “Ia memerlukan disiplin, kecekapan dalam melaksanakan strategi, penjimatan dalam pengurusan kos serta penerapan budaya berprestasi tinggi dalam Kumpulan.”

Walaupun bagaimanapun, pada S1 2019, prestasi MSM terjejas berikutan harga jualan purata yang rendah akibat daripada pengeluaran import permit (AP) dan persaingan tinggi dalam pasaran eksport yang berpunca dari lambakan gula dunia. Untuk tempoh yang ditinjau, MSM merekodkan 12% penurunan dalam hasil kepada RM485.62 juta berbanding tempoh yang sama sebelumnya sebanyak RM549.06 juta. Prestasi kewangan Kumpulan turut terjejas disebabkan pengurangan dalam nilai Ringgit kepada RM4.1209 terhadap USD, berbanding RM4.0008 pada suku sebelumnya.



Selain dari nilai Ringgit yang melemah, prestasi MSM pada 2019 dijangka akan turut terjejas daripada pengeluaran lebih banyak AP, yang memberikan keuntungan kepada segelintir kumpulan industri. Antara lain, liberalisasi pasaran gula tempatan, turut dijangka akan memberikan impak pada margin Kumpulan. Lebih membimbangkan, situasi tersebut akan mengakibatkan pengguna-pengguna Malaysia terdedah kepada ketidaktentuan harga serta bekalan gula dunia.

“Selama bertahun, pengeluar tempatan telah berdepan dengan tekanan di antara pengguna Malaysia dan ketidaktentuan pasaran gula dunia melibatkan kadar tukaran, harga dan bekalan yang memberikan impak kos kepada pembeli seperti MSM. Walaubagaimanapun, pengeluar gula di Malaysia masih mengekalkan bekalan yang mencukupi bagi pasaran tempatan dengan harga yang stabil,” kata Khairil Anuar. “Walaupun MSM kekal komited dalam menghasilkan gula yang berkualiti pada harga yang stabil untuk keperluan negara, kami berkemungkinan terpaksa untuk menilai semula kedudukan komersial berikutan pengeluaran AP baru dan liberalisasi pasaran tempatan,” ujar beliau.

Tambahan pula, pelaksanaan cukai eksais (cukai soda) seperti yang dirancang untuk minuman bergula sebanyak RM0.40sen/liter bermula 1 Julai 2019 dijangka akan turut memberikan kesan negatif kepada pencapaian MSM.

Di sebalik risiko yang dihadapi, MSM kekal fokus dalam mengekalkan pelan pemulihan, dengan memberi tumpuan kepada strategi-strategi utama untuk mempelbagaikan produk, meneroka peluang untuk kolaborasi komersial, melupuskan aset bukan teras dan melaksanakan inisiatif-inisiatif penjimatan.

“Kami sedang meneroka aliran pendapatan tambahan daripada pasaran eksport dan domestik bagi mempelbagaikan variasi produk berasaskan gula seperti gula pra-campur, gula cecair, serta mempunyai nilai tambah dan produk pemanis sihat bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat dalam kalangan pelanggan yang mengutamakan kesihatan bagi segmen runcitan dan industri,” kata beliau lagi.

Kilang penapisan baru di Tanjung Langsat, Johor yang siap sepenuhnya telah meningkatkan kapasiti pengeluaran Kumpulan kepada 2.25 juta tan setahun sekaligus, memberikan kedudukan kepada MSM sebagai pemain industri gula yang kedua terbesar di Asia Tenggara dan berada pada tempat kelapan di peringkat dunia.



### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2018, MSM mengeluarkan sebanyak 964,739 tan gula bertapis, di mana 109,613 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 59% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 1.83 bilion setakat 31 Disember 2018). MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari  
[www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

### **Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 137  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Ahmad Izwan Osman**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6017 440 1027  
[ahmadizwan.o@msmsugar.com](mailto:ahmadizwan.o@msmsugar.com)